

SEKENDI KEPALA HITAM
Black-headed Ibis

FAMILI: Threskiornithidae
NAMA SAINTIFIK: *Threskiornis melanocephalus*



CIRI-CIRI

Ciri-ciri istimewa yang terdapat pada spesies ini ialah kepala dan bahagian leher atasnya yang botak dan berwarna hitam dengan paruh yang besar, hitam dan agak melengkung ke bawah. Kakinya juga berwarna hitam manakala keseluruhan bulunya berwarna putih kecuali bahagian bawah sayap yang tidak berbulu dan berwarna kemerahan. Individu jantan dan betina adalah monotipik (penentuan jantina berdasarkan ciri-ciri fizikal tidak boleh dibuat) dan saiznya boleh mencapai antara 75 sm-76 sm.

MAKANAN

Ia memakan invertebrata, ikan, katak, dan lain-lain lagi.

HABITAT

Spesies ini kebiasaannya menghuni kawasan berpaya, beting lumpur dan juga paya bakau sehingga ke ketinggian 800 m dari aras laut.

PEMBIAKAN

Pembiakan bagi spesies ini adalah secara berkoloni dan musim pembiakannya adalah antara Oktober hingga April. Sarang bagi spesies ini adalah berbentuk seperti cawan dan biasanya dibina di atas pokok atau di kawasan belukar. Individu betina boleh menghasilkan antara 2-4 biji telur yang berwarna putih.

STATUS

IUCN, hampir terancam.